

[FOTO IHSAN UMP]

Menu makan tengah hari, malam hanya RM1

BERITA HARIAN (WILAYAH) 10 JAN 2017 m/s 25

→ UMP sedia 7,500 bungkus makanan bantu pelajar kurang mampu selama lima hari

Oleh Nurul Nadira Shaari
bhnews@bh.com.my

✦ Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyediakan 7,500 set makan tengah hari dan makan malam yang dijual pada harga RM1 menerusi Projek Kongsi Rezeki 2.0, untuk membantu pelajar kurang berkemampuan di universiti itu.

Makanan itu disediakan selama lima hari bermula Selasa lalu.

Lima menu makan tengah hari

yang disediakan ialah nasi kukus ayam berempah; nasi hujan panas kari ayam; nasi beriani ayam; nasi minyak ayam kurma dan nasi ayam penyet berserta air dan buah-buahan.

Kampus Pekan, Gambang

Timbalan Naib Canselor (Hal E-hwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yusserie Zainuddin, berkata makanan itu disediakan untuk pelajar kampus UMP Pekan dan Gambang.

Katanya, Projek Kongsi Rezeki 2.0 yang bermula tahun lalu, banyak

memberi manfaat kepada pelajar kurang berkemampuan dan diadakan pada musim peperiksaan.

"Kami sentiasa mengambil berat isu berkaitan kebajikan pelajar bagi memastikan mereka dapat memberikan tumpuan kepada pelajaran. Malah, kami serius membantu pelajar bermasalah terutama berkaitan kewangan supaya pembelajaran mereka tidak terganggu.

"Semua pelajar yang sedang mengikuti pengajian di sini layak menerima manfaat daripada program ini... mereka cuma perlu bayar



Pelajar membeli set makan tengah hari yang disediakan menerusi Projek Kongsi Kasih 2.0 di Kampus UMP, Pekan.

Fakta
nombor

500 SET

makan tengah hari,
300 set makan malam
bermula 3 hingga
7 Januari

RM1 dan mempamerkan kad pelajar ketika mengambil makanan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Yusserie berkata, jumlah set hidangan makan tengah hari meningkat berbanding tahun lalu kerana mendapat kerjasama dan tajaan daripada beberapa syarikat korporat dan pengusaha restoran.

Tahun lalu, UMP menyediakan 1,000 set makan tengah hari.

"Objektif utama penganjuran projek ini untuk membantu pelajar kurang berkemampuan," katanya.